



KERATAN AKHBAR

JAKOA
JABATAN KENAJUAN ORANG ASLI

suara cakna komuniti anda
Sinar harian
JAUH · TANAHU · JAHAD · SEPKWASAN · DESA · KERASAMA · ACE · PRIMAT

Isnin – 18 Januari 2021

Halaman : 21

Beli minyak masak terpakai bantu orang asli pedalaman

SHAH ALAM - Sepasang suami isteri yang mengusahakan sebuah syarikat membeli minyak masak terpakai mengambil inisiatif mengumpul dana hasil jualannya untuk disumbangkan kepada masyarakat orang asli di kawasan pedalaman.

Soleha Ahmad, 37, dan suaminya, Wan Mohamad Haniffah, 43, membantu orang asli selepas melihat kedaihan masyarakat itu selepas melakukan program ziarah bersama Muslim Care Malaysia di perkampungan orang asli di Sungai Siput, Perak.

Menurut Soleha, masyarakat itu berdepan kesukaran mendapatkan bekalan makanan akibat kesempitan hidup selain masalah pengangkutan dan jalan perhubungan yang rosak teruk terutama pada musim hujan.

"Minyak masak terpakai ini dibeli dari rumah ke rumah dan peniaga makanan, kemudian minyak akan dihantar ke pusat pengumpulan sebelum dijual kepada pengilang berlesen.

"Sebahagian hasil jualan minyak masak terpakai ini dapat membantu orang asli di beberapa negeri antaranya di Perak,



Antara sumbangan disampaikan kepada masyarakat orang asli di perkampungan Orang Asli Keeb, Sungai Siput, Perak

Pahang dan Kelantan," katanya kepada *Sinar Harian* di sini pada Ahad.

Soleha berkata, program membeli minyak masak terpakai sekitar Selangor dan Terengganu itu juga membantu suri rumah serta peniaga kecil menjana pendapatan sampingan.

"Secara tidak langsung mereka (suri rumah dan peniaga kecil) juga menjadi penyumbang untuk mengumpul dana ini.

"Misalnya kami akan mengusahakan dana kelas fardu ain

dan dana Jumaat pada setiap minggu," katanya.

Katanya, program itu turut mendapat kerjasama daripada Muslim Care Malaysia dan Persatuan Gerakan Amal Bersama (GRAB) bagi dana program bantuan makanan.

Rakan relawan Muslim Care Malaysia, Dr Nor Aini Ahmad berkata, terbaru menerusi kolaboratif itu mereka menyumbangkan barang keperluan makanan di Kampung Orang Asli Selaor Gerik, Perak pada Sabtu.